

# **KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

## **PELAKSANAAN SEMULA PELANTIKAN PEGAWAI PERUBATAN SEBAGAI PENDAFTAR ATAU *REGISTRAR* DI HOSPITAL KKM**

### **1.0 TUJUAN**

**1.1** Kertas ini bertujuan untuk memohon pelaksanaan semula perlantikan Pegawai Perubatan Pendaftar/ *Registrar* di hospital KKM.

### **2.0 LATAR BELAKANG**

**2.1** Perlantikan pegawai perubatan Pendaftar/ *Registrar* di hospital KKM ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menghasilkan lebih ramai pakar melalui program latihan 'Parallel Pathway'. Pada masa lalu, iaitu sebelum pelaksanaan Program Sarjana Perubatan oleh universiti tempatan, kebanyakan pakar perubatan dihasilkan melalui Program *Membership* atau 'Parallel Pathway' ini, di mana pelaksanaan program latihan 'Parallel Pathway' ini adalah serentak dengan perlantikan pegawai perubatan yang berkenaan sebagai Pendaftar/ *Registrar* dalam disiplin yang berkaitan. Pengalaman yang diperolehi sebagai Pendaftar/ *Registrar* dapat membantu pegawai perubatan berkenaan melengkapkan diri dengan pengetahuan dan pengalaman serta *soft-skill* sebagai pakar sebelum mengambil peperiksaan kepakaran.

**2.2** Semasa dalam tempoh pelantikan sebagai Pendaftar/ *Registrar* tersebut, pegawai perubatan berkenaan akan tetap menjalankan tugas hakiki dalam bidang klinikal; dan berpeluang mendapat latihan, kemahiran dan juga pendedahan secara ‘hands-on’ dalam intervensi kepakaran, pembedahan, tadbir urus klinikal, penyeliaan teknikal anggota perubatan serta lain-lain tugas, tanggungjawab serta *soft-skill* sebagai pakar.

**2.3** Proses lantikan pegawai perubatan Pendaftar/ *Registrar* di hospital KKM pernah dilaksanakan sekitar tahun 1970-1980an bagi tempoh lantikan selama 18 bulan. Pegawai perubatan yang dilantik sebagai Pendaftar/ *Registrar* telah diberikan elaun khas pada kadar RM150.00 sebulan sepanjang tempoh pelantikan tersebut selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 iaitu Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan.

### **3.0 JUSTIFIKASI**

**3.1** Sehingga kini bilangan pakar perubatan sedia ada masih belum mencukupi untuk memenuhi keperluan perkhidmatan perubatan kepada rakyat. Manakala pengeluaran pakar perubatan melalui Program Sarjana Perubatan dari universiti tempatan pula masih belum berupaya untuk menampung keperluan tersebut.

**3.2** Perlantikan pegawai perubatan Pendaftar/ *Registrar* di hospital KKM ini adalah sebagai salah satu langkah untuk menggalakkan

program latihan ‘Parallel Pathway’, dan seterusnya akan dapat mempertingkatkan pengeluaran pakar perubatan.

#### **4.0 SYOR**

**4.1** Adalah disyorkan agar lantikan Pegawai Perubatan Pendaftar/*Registrar* ini diwujudkan semula menggunakan jawatan pegawai perubatan sedia ada secara flexi bagi Gred UD44 hingga Gred UD54.

**4.2** Memandangkan kadar elaun ini tidak pernah disemak semenjak ia diluluskan (iaitu lebih 25 tahun yang lalu), maka adalah wajar kadar ini disemak semula serta dipertingkatkan mengikut kesesuaian pada masa kini, misalnya **RM500 sebulan** (Implikasi kewangan ialah dalam anggaran RM600 000.00 setahun, iaitu RM500 X 12 bulan X 100 orang).

#### **5.0 KOS TERLIBAT**

**5.1** Implikasi kewangan yang dijangka akan terlibat adalah berkaitan elaun pegawai perubatan yang dilantik sebagai Pendaftar/*Registrar*. Pada peringkat awal, kemungkinan boleh dicadangkan perlantikan seramai 100 orang, maka dengan kadar elaun sedia ada iaitu RM150 sebulan, implikasi kewangan yang terlibat adalah pada anggaran RM180 000.00 setahun (RM150 X 12 bulan X 100 orang). Jika elaun dipertingkatkan mengikut kesesuaian pada masa kini, misalnya

**RM500 sebulan** (Implikasi kewangan ialah dalam anggaran RM600 000.00 setahun, iaitu RM500 X 12 bulan X 100 orang).

## **6.0 KESIMPULAN**

**6.1** Kertas ini adalah bertujuan memohon untuk melaksanakan semula perlantikan Pegawai Perubatan Pendaftar/ *Registrar* di hospital

KKM.

**6.2** Ia akan memberikan dorongan kepada para doktor untuk memilih jurusan pakar melalui program latihan 'Parallel Pathway' selaras dengan aspirasi kerajaan untuk memberi rawatan terbaik kepada rakyat

**DR ARVINDRAN A/L ALAGA**

**Ahli Majlis Bersama Kebangsaan [Pengurusan dan Professional]**

**Timbalan Pengurus SCHOMOS 2016-2018**

**Persatuan Perubatan Malaysia**